

## Pengukuhan Pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu Era Sultan Zainal Abidin III (1910-1918)

*Strengthening Terengganu State Government Administration Era Sultan Zainal Abidin III (1910-1918)*

Muhammad Amir Rizal Mohd Roslin

<sup>1</sup>Mohd Shazwan Mokhtar

Program Sejarah

Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence email: <sup>1</sup>msm@ukm.edu.my

### ABSTRAK

*Artikel ini menganalisis pengukuhan pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu semasa era pentadbiran Sultan Zainal Abidin III iaitu antara pada tahun 1910 hingga tahun 1918. Tumpuan diberikan kepada peranan Sultan Zainal Abidin III berhadapan dengan Agen Penasihat British di Terengganu pada tahun 1910. Sumbangan utama baginda ialah dengan menggubal ‘Itqanul al-Muluk Bitiadil al-Suluk’ pada tahun 1911. Penggubalan undang-undang ini bertujuan mengekang campur tangan Agen Penasihat British di Terengganu dan mengukuhkan bidang kuasa sultan sebagai pemerintah tertinggi dalam kerajaan negeri. Kajian ini mengisi lompong pensejarahan yang lebih menumpukan kajian terhadap ‘Itqanul al-Muluk Bitiadil al-Suluk’ tanpa menghubungkaitkannya dengan matlamat mengekang campur tangan Agen Penasihat British di Terengganu. Justeru, analisis kajian ini digalurkan sejak kewujudan struktur pentadbiran kerajaan negeri sebelum kedatangan British, hingga tahun 1918. Kaedah kajian sejarah digunakan untuk merungkai bidang kuasa sultan, isu-isu pentadbiran dan kedudukan Agen Penasihat British dengan melakukan analisis kandungan terhadap sumber primer seperti, Fail Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Fail Pejabat Kolonial dan Fail Pejabat Pesuruhan Tinggi British. Hasil kajian mendapati, tahun 1910 sehingga tahun 1918, adalah satu fasa di mana kuasa dan peranan Agen Penasihat British di Terengganu adalah terbatas. Hal ini demikian kerana, wujudnya undang-undang bertulis yang menjamin bidang kuasa sultan dan kewujudan struktur pentadbiran kerajaan yang sedia ada.*

**Kata Kunci:** Terengganu, Agen Penasihat, Terbatas, Pengukuhan, Pentadbiran

### ABSTRACT

*This article analyzes the strengthening of the administration of the Terengganu State Government during the era of Sultan Zainal Abidin III's administration which is between 1910 to 1918. The focus is on the role of Sultan Zainal Abidin III in dealing with the British Advisory Agent in Terengganu in 1910. His main contribution was to enact 'Itqanul al-Muluk Bitiadil al-Suluk' in 1911. The enactment of this law aims to curb the interference of the British Advisory Agent in Terengganu and strengthen the authority of the sultan as the supreme ruler in the state government. This study fills a gap in history that focuses more on 'Itqanul al-Muluk Bitiadil al-Suluk' without linking it to the goal of curbing the intervention of the British Advisory Agent in Terengganu. Therefore, the analysis of this study was carried out since the existence of the administrative structure of the state government before the arrival of the British, until the year 1918. Historical research methods were used to unravel the jurisdiction of the sultan, administrative issues and the position of the British Advisory Agent by conducting a content analysis of primary sources such as, Office Files Terengganu State Government Secretary, Colonial Office File and British High Commissioner's Office File. The results of the study found that the years 1910 to 1918 were a phase where the power and role of the British Advisory Agent in Terengganu was limited. This*

*is so because, there is a written law that guarantees the jurisdiction of the sultan and the existence of the existing administrative structure of the government.*

**Keywords:** Terengganu, Advisory Agent, Limited, Strengthening, Administration

## 1. Pengenalan

Perjanjian Anglo-Siam pada tahun 1909, menyebabkan British meletakkan agen penasihatnya dalam pemerintahan sultan. Situasi ini secara tidak langsung memberi kuasa kepada Pegawai Penasihat British, mencampuri hal ehwal pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu. Walaubagaimanapun terdapat dua fasa utama dalam penentuan bidang kuasa Penasihat British yang bertugas dalam Kerajaan Terengganu. Pada tahun 1910 sehingga 1918, pegawai British yang dilantik dalam kerajaan, hanyalah sebagai seorang Agen Penasihat yakni bertaraf konsular dan kuasanya adalah terhad dan terbatas dalam menasihati Sultan. Pegawai yang dilantik dalam era ini, hanya berperanan dalam makhamah bersama ‘Joint Court’ dalam mengadili hal-hal berkaitan orang barat di Terengganu sahaja. Manakala pada tahun 1919 sehingga tahun 1940 pegawai British yang dilantik, adalah berkuasa penuh dalam kerajaan tempatan, dan setiap nasihat dan cadangan yang diberikan oleh mereka harus dituruti oleh sultan dan masyarakat.

Perbezaan ini berlaku kerana, pada era penepatan Agen Penasihat British di Terengganu tahun 1909, Sultan Zainal Abidin III (1866-1918) tidak mengiktiraf sepenuhnya perjanjian Anglo-Siam, dan baginda menolak secara keras isi kandungan perjanjian yang berlaku antara Siam dan British (H.C.O 158/1900, 1900). Walaubagaimanapun Agen Penasihat British hanya boleh dilantik setelah Sultan Zainal Abidin III mendapat jaminan iaitu wakil Inggeris yang dilantik hanyalah bertaraf konsular (1910) (H.C.O 410/1910, 1910). Malah, sultan juga bersetuju dengan peletakan Agen Penasihat British di Terengganu setelah British membenarkan Terengganu menggubal draf perundangan Negeri Terengganu secara sendiri. Maka pada tahun 1911, baginda telah menggubal ‘Itqan al Muluk bi Ta’dil as Suluk’ yang menetapkan segala kuasa pentadbiran kerajaan hanya dibawah kuasa pemerintahan baginda dan ianya kekal sehingga tahun 1918 yakni selepas pada kemangkatan baginda (Jelani Harun, 2015). Sehubungan itu, bidang kuasa penasihat British di Terengganu dari tahun (1910-1918) adalah sangat terbatas sepanjang Terengganu berada dibawah pemerintahan Sultan Zainal Abidin III.

Kajian yang bakal dijalankan ini, akan memberi tumpuan kepada kewujudan sistem pentadbiran lama Terengganu era Sultan Zainal Abidin III (1886-1918) yang telah membataskan bidang kuasa Agen Penasihat British di Terengganu pada tahun 1910. Sistem pentadbiran ini merangkumi, pentadbiran negeri, daerah, perundangan dan mahkamah, dan pentadbiran tanah. Malah kajian ini juga akan membincangkan pelaksanaan undang-undang baharu pada tahun 1911, yang berjaya mengukuhkan pentadbiran kerajaan Terengganu dibawah pemerintahan sultan. Perundangan ini mengandungi 53 fasal utama, merangkumi hal pentadbiran kerajaan dan perundangan, yang memuatkan perkara seperti pelantikan Raja, kaedah pemerintahan, pelantikan Menteri dan Menteri Besar, proses mesyuarat kerajaan, undang-undang adat negeri dan kedudukan Islam sebagai agama rasmi Kerajaan Terengganu. Daripada fasal-fasal yang telah dibentuk, terdapat beberapa fasal yang memperjelas dan mengukuhkan lagi bahawa peranan Agen Penasihat British yang dilantik, tiada hak dalam mencampuri hal ehwal pentadbiran kerajaan dan segala perkara perlu merujuk kepada Sultan dan perlombagaan kerajaan

## 2. Tinjauan Literatur

Kajian sejarah mengenai Pengukuhan Pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu Era Sultan Zainal Abidin III (1910-1918) boleh dikatakan amat terhad. Hal ini kerana pengkaji lepas hanya

membincangkan secara sepintas lalu berkaitan sejarah kerajaan Terengganu dan peristiwa-peristiwa penting yang berlaku dalam kerajaan. Walaupun telah terdapat beberapa kajian yang mengkhususkan perbicaraan mengenai sistem pentadbiran Kesultanan Terengganu, ianya adalah sangat ringkas dan umum. Malah penjelasan yang diberikan dalam penulisan tersebut, tiada perincian kepada sebab musabab Sultan Zainal Abidin III melakukan penstrukturkan semula dalam kerajaan. Disamping itu, pengkaji lepas dilihat kurang memberi tumpuan terhadap sumber-sumber utama dalam penulisan. Sehubungan itu, kajian ini perlu dilakukan untuk memberi maklumat kepada pengkaji sendiri seterusnya dapat memberi kefahaman kepada pengkaji seterusnya.

## 2.1 *Sejarah Awal Terengganu*

Kajian awal dalam sejarah awal Terengganu ada dibincangkan Paul Wheatly (1966), M.C. FF Sheppard (1949), Muhammad Saleh Awang (Misbaha) (1983) dan Muhammad Yusoff Hashim (1991). Terengganu di zaman awal adalah merujuk kepada Kuala Terengganu. Penetapan Tarikh tentang bilakah Sejarah negeri Terengganu bermula adalah sukar untuk ditentukan kerana ketiadaaan sumber dan bukit yang nyata. Walauabgaimanapun terdapat beberapa catatan yang menerangkan bagaimana asal-usul Sejarah pentadbiran negeri Terengganu. Salah satunya ialah catatan Plotemy menerusi sebuah lukisan peta semantanjang Tanah Melayu yang dihasilkan pada kurun ke-2. Lukisan peta tersebut menunjukkan bahawa sudah pun wujud dua buah pelabuhan di Pantai Timur iaitu ‘Primule’ dan ‘Kole’. Primula dipercayakan sebagai Kuala Sungai Terengganu manakala Kole adalah Kemaman. Kedua buah tempat ini adalah merupakan antara beberapa catatan dan gambaran awal mengenai keadaan negeri Terengganu yang dikatakan mempunyai pelabuhan bagi pedagang-pedagangan berulang alik antara China dan India.

Selain itu berdasarkan penemuan bahan dan kajian Sejarah yang awal dapatlah dirumuskan bahawa Terengganu adalah salah satu wilayah taklukan Kerajaan Palembang yang telah wujud sebelum abad ke 13 lagi. Hal ini diperkuuhkan dalam catatan Sejarawan Chau Ju-Kua dalam catatannya Chu Fan Chi pada tahun 1225. Menurut beliau, Kerajaan San Fo Chi (Srivijaya) telah menakluk Kerajaan Teng Ya Nung. Teng Ya Nung itu ialah Terengganu dan dipercayai sebagai Kuala Terengganu. Tulisan ini juga menyatakan bahawa terdapat lima belas wilayah yang berada di bawah Kerajaan San Fo Chih (Srivijaya) yakni Pong Fong (Pahang), Tong ya Nong (Terengganu), Ling Ya si Kia (Langkasuka), Ki Lan Tan (Kelantan), Foloan (Kuala Berang), Ji Lo Ting (Jelotong) Hujung Tenggara semantanjang, Ts’ ien mai, Pa t’ a (Sungai paka), Tan Maling (Tamralingga), Kia Lo HI (Grahi), Pa Lin Fong (Palembang), Sin to (Sunda), Kien Pi (Kempe), Lan Mu Li (Lamuri Aceh) dan Si Lau (Sri Lanka).

Disamping itu pada tahun 1349 pula, seorang lagi penggembara China iaitu Wang Ta Yuan dalam karya Sejarah pengembawaan Cinanya iaitu Tao-I Chih-Lioh terut menjelaskan tentang Terengganu, dengan menyebutnya sebagai:

...Ting Chia-Lu merupakan sebuah pulau berbentuk tiga segi dan terpisah dari daerah-daerah lain oleh Sungai yang juga merupakan jalan pengangkutan terpnting dalam taklukan kerajaan Srivijaya pada ketika itu...

Malah terdapat lagi beberapa hasil catatan China yang memerihalkan perkara berkaitan Negeri Terengganu dengan sebutan Teng-ka lo, Teng Ya Nung, Ting Ko Luo dan Ting Kia Lo. Selain dari sumber China, pentadbiran awal Sejarah Terengganu juga turut dikesan melalui temuan Batu Bersurat Terengganu yang telah dijumpai oleh Syed Husin bin Chulan Al-Bukhari di kawasan kampung Buluh kuala berang pada tahun 1887. Perkataan Pada batu bersurat ini dicatatkan perkataan Terengganu, “Tuhan mendudukan tamra ini di benua Terengganu adi pertama ada”. Catatan ini telah membuktikan bahawa negeri Terengganu pada masa tersebut

sememangnya sudah wujud sebagai sebuah Kerajaan yang berdaulat. Malah ianya telah menjelaskan bahawa bukti Kerajaan Terengganu wujud dengan sebutan sebegitu rupa dan telah ada satu sistem perundangan yang bertulis.

Berbalik kepada Sejarah awal pemerintahan Terengganu, selepas pada Srivijaya mula hilang kekuasaan di kepulauan Nusantara sekitar abad ke 14, Kerajaan Majapahit telah menjadi Kerajaan baharu yang sangat berkuasa sebelum abad ke 15. Hal ini dibuktikan dalam catatan Rolan Braddel. Menurut beliau ‘Foloan’ yang dinyatakan oleh catatan Cha Ju Kua disebut sebagai daerah Sungai Dungun dan Pa’ta pula adalah daerah Sungai Paka. Kedua-duanya terletak di Pantai Timur Semenanjung. Penunudukan Suwarnabhumi (Srivijaya) sekitar tahun 1340 telah menyebabkan daerah dan wilayah jajahannya selama ini di kuasai oleh kerajaan Melayu Majapahit. Dua belas negara di bawahnya adalah seperti Pahang, Terengganu, Langkasuka, Kelantan, Foloan, Cerating, Paka, Tembeling, Grahi, Palembang, Muara Kemper dan Lamuri. Kesemuanya disebut dalam daftar daerah bawahan Majapahit dalam Nagarakretagama pada abad ke 13 dan abad ke 14. Hal ini telah menjelaskan bahawa Terengganu telah wujud sebagai kerajaan yang telah mempunyai sebuah sistem pentadbiran namun kekuasaanya berdasarkan naungan.

## 2.2 Pentadbiran Kesultanan Terengganu

Sejarah awal Kesultanan Melayu Terengganu adalah sukar untuk ditentukan secara tepat dan terpeinci. Walaubagaimanapun berdasarkan catatan Muhammad Yusof Hashim (1991), Buyong Adil (1928) dan laporan tahunan oleh Penasihat British Terengganu J.W.Simmons (C.O 840, 1925) pemerintah Kesultanan Melayu Terengganu sering kali dikaitkan dengan Telanai yakni seorang raja yang berketurunan dari Palembang dan dikatakan telah mempunyai hubungan politik dengan Kerajaan Melaka dan Pahang pada abad ke 15 lagi. Pemerintah-pemerintah daripada keluarga Telanai mengaku diri mereka berketerunun daripada raja yang berasal dari Palembang dan ketua separuh Merdeka dalam zaman feudal di Bentan dan Terengganu. Namun wujud beberapa pertentangan mengenai nama Telanai itu sendiri yang mana ianya turut dinyatakan dalam teks Sejarah Melayu iaitu Telanai itu sendiri sudah pun wujud semasa Zaman Pra-Melaka lagi di Bentan iaialah Telanai Bentan.

Meskipun begitu sumber yang lebih jelas berkaitan dengan Kesultan Melayu Terengganu dapat dikesan menerusi teks Tuhfat AL-Nafis, sumber bugis yang menyatakan bahawa keturunan Raja-Raja Melayu Terengganu berasal daripada keturunan Bendahara Johor Tun Abdul Majid. Baginda Tun Abdul Majid dikurniakan seorang anak Bernama Tun Zainal Abidin dan daripada keturunan baginda ini telah dilantik menjadi raja di Terengganu dengan memakai gelaran Sultan Zainal Abdin I (1708-1733). Keterangan Tuhfat Al Nafis adalah seperti berikut:

...Syahdan kata sahibul hikayat lepas daripada perang inilah baginda Sultan Sulaiman dan Yang Dipertuan Muda menyuruh Raja Tua ke Terengganu merajakan Tun Zainal Abdin yang begelar Sultan Zainal Abidin, Raja Terengganu...

Perkara ini turut tercatat dalam sumber Hikayat Pattani iaitu sumber dari tradisi Siam Melayu yang menyebut bahawa Tun Zainal Abidin sebagai putra angkat raja Nang Cayang Patani dan merupakan anak kepada Tun Habib Abdul Majid, Bendahara Padang Saujana Johor, bersaudara dengan Tengku Sulung atau Tun Abdul Jalil. Sehingga pada tahun 1940 Terengganu telah mempunyai tiga belas orang Sultan. Salasilah keturunan kesultanan baginda Sultan Zainal Abdin I juga telah mengekalkan susur galur keturunan pemerintahan Kesultanan Raja-Raja Melayu Terengganu sehingga ke hari ini. Tun Zainal abdin atau Sultan Zainal Abidin I telah ditabalkan pada tahun 1723 di Tanjung Baharu, Kira-kira lima batu dari Kuala Berang. Baginda memilih Kuala Berang sebagai bandar diraja kemudian beralih ke Hilir dan

seterusnya ke Langgar serta membina Kota Batang Mahang. Kemudiannya baginda berpindah pula ke Pulau Manis berdekatan dengan Naga Menghulur. Selepas itu pusat pemerintahan beralih lagi ke Cabang Tiga dan seterusnya ke Bukit Nangka di Kuala Terengganu.

Susun galur pemerintahan Sultan Terengganu bermula pada abad ke-18 sehingga tahun 1940, terdiri daripada 13 orang Sultan. Sultan pertama yang memakai gelaran Sultan dalam pentadbiran Terengganu adalah Sultan Zainal Abidin I (1702-1726), selepas kemangkatan beliau pada tahun 1726, takhta kerajan telah diganti oleh Putera baginda Tengku Mansur dengan gelaran Sultan Mansur I (1726-1793), seterusnya pentadbiran Terengganu beralih kepada Sultan Zainal Abidin II (1793-1808), kemudiannya diteruskan oleh Sultan Ahmad (1808-1831), semasa kemangkatan Sultan Ahmad, takhta kerajaan diganti oleh saudara baginda Tengku Abdul Rahman (1831), dan selepas Sultan Abdul Rahman mangkat ianya telah diganti semula oleh Putera Sultan Ahmad yakni Sultan Daud (1831). Pemerintahan Tengku Daud hanya berlangsung selama 40 hari dan mangkat pada tahun 1831 (Abdullah Zakaria Ghazali, 1984).

Kemangkatan Sultan Daud telah mengubah sistem penggantian Yang Dipertuan sebelum ini kerana bermulanya berlaku konflik perebutan kuasa. Apabila Sultan Daud mangkat, saudaranya Tengku Omar telah menggantikan baginda yang pada asalnya Tengku Omar, Sultan Omar (1806-1876) sebagai Yang Dipertuan Muda telah menjadi Yang Dipertuan Terengganu. Seetelah menaiki takhta kerajaan, baginda Omar telah melantik Tengku Mansur sebagai Yang Dipertuan Muda bagi pengganti setelah Sultan Omar mangkat. Namun konflik bermula selepas Sultan Mansur (1831-1836) telah merampas kuasa dari pemerintahan Sultan Omar dengan menyerang kediaman Sultan Omar di Bukit Puteri (Misbaha, 1992). Serangan ini telah menyebabkan Sultan Omar mengundurkan diri dan berpindah ke Setiu kemudian beralih ke Besut dan berakhir di Kemaman. Selepas mangkatnya Sultan Mansur, Putera baginda Sultan Muhamad (1836-1839) dilantik sebagai Yang Dipertuan Terengganu baru (Misbaha, 1992).

Akibat daripada ketidakpuas hati Sultan Omar, baginda telah meyerang kembali Bukit Puteri dan telah mengusir Tengku Muhamad ke Besut. Perkara ini telah menyebabkan baginda Omar menaikkan kembali takhta Sultan Omar sebagai Yang Dipertuan Terengganu dan selepas baginda mangkat Sultan Ahmad II (1876-1881) telah meneruskan sistem pentadbiran yang diwujudkan kembali (Abdullah Zakaria Ghazali, 1984). Seterusnya, pemerintahan Terengganu beralih kepada Sultan Zainal Abidin III (1881-1918) diikuti oleh Sultan Muhammad II (1918-1920) dan selepas pada mangkatnya Sultan Muhammad II, baginda digantikan oleh Sultan Sulaiman (1920-1942). Semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III, British telah mula campur tangan dalam pentadbiran Kerajaan Terengganu sehingga membawa perubahan yang cukup besar dalam institusi beraja Kesultanan Melayu Terengganu. Walaubagaimanapun, institusi beraja ini tidak dihapuskan dan sistem beraja diteruskan oleh Sultan Ali Shah (1942-1945), Sultan Ismail Nasaruddin Shah (1945-1979), Sultan Mahmud AL Muktafi Billah Shah (1979-1988) dan kini Terengganu dibawah kesultanan Sultan Mizan Zainal Abidin (1998-2023).

### 3. Metodologi Kajian dan Kawasan Kajian

Dalam menghasilkan tajuk kajian, kaedah utama yang digunakan oleh pengkaji adalah melalui kaedah kualitatif dalam bidang sejarah. Kaedah ini, merupakan satu proses dimana pengkaji sendiri mengumpul segala sumber berkaitan dengan tajuk kajian seperti sumber primer dan sekunder dalam proses heuristik kajian sejarah yang kemudiannya dilakukan kritikan dalaman dan luaran terhadap sumber yang telah dikumpul untuk dianalisis dan disintesis dengan sehabis baik bagi menentukan keabsahan dan kerelavenan dalam membantu penghasilan penulisan. Selain itu kaedah kuantitatif juga diguna pakai terutamanya bagi

persembahan serta analisis data yang diperolehi daripada sumber-sumber primer.

### **3.1 Tata Cara Pengumpulan Data**

Sumber-sumber ini dikumpul di beberapa tempat seperti di Perpustakaan Tun Seri Lanang-PTSL UKM (library Research), Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (PATMA) UKM, Perpustakaan Undang-Undang (PUU-UKM), Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur dan Arkib Negara Malaysia cawangan Negeri Terengganu.

### **3.2 Analisis Data**

Dari sudut proses pengumpulan sumber primer, pengkaji sangat menghokususkan carian sumber-sumber daripada fail pejabat kolonial negeri Terengganu oleh kerana tajuk kajian yang dibincangkan adalah berkaitan pentadbiran yang berlaku semasa British menjajah negeri Terengganu. Antara sumber utama yang digunakan dalam kajian ini adalah, fail pejabat kolonial CO 840. Fail ini dijadikan rujukan utama pengkaji kerana perbincangan jangka masa tajuk kajian sangat relevan dengan tajuk kajian (1910-1940), ditambah lagi dengan laporan tahunan berkaitan pemerintahan Britsih di Terengganu ini mengandungi perkara seperti perekembangan dan pencapaian penting yang berlaku pada tempoh masa tersebut. Fail ini diasingkan berdasarkan tahun. Seterusnya Fail daripada Pesuruhanjaya Tinggi British (H.C.O) Terengganu, Fail Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (S.U.K), Fail Pejabat Penasihat Terengganu (B.A.T) dan sumber perundangan Negeri Terengganu turut digunakan untuk mengenal pasti dasar-dasar pelaksanaan undang-undang Britsih di Terengganu sepanjang Terengganu berada di bawah kuasa British. Manakala penggunaan sumber daripada Fail-fail Pejabat Makamah, Undang-undang kendiri Terengganu (Itqanul al, Muluk Bit Ti Adil a-Suluk) dan sumber perundangan Terengganu yang lain, turut membantu pengkaji, menjelaskan bentuk pelaksanaan pentadbiran undang-undang dibawah pihak British pada waktu tersebut dengan perbandingan pelaksanaan undang-undang yang sedia ada. Seterusnya, pengkaji juga menggunakan sumber daripada Fail Pejabat Kolonial dari Fail Negeri-Negeri Selat yakni CO 273, kerana ianya mengandungi maklumat berkaitan sejarah awal bagaimana Terengganu berubah daripada pentadbiran dibawah pemerintahan penuh kuasa Sultan kepada sistem pentadbiran dan perundangan dibawah pemerintahan British. Hasil daripada penggunaan sumber ini, perjanjian yang berlaku antara pihak British dan Siam (Anglo Siam) pada tahun 1909 menjadi punca utama bagaimana Terengganu dan negeri-negeri Melayu Utara lain berada dibawah pengaruh pentadbiran Britsih.

Selain itu, pengkaji turut merujuk sumber sekunder berkaitan seperti, artikel, jurnal dan buku-buku kajian sarjana sebelumnya bagi memberi gambaran awal kepada pengkaji dan memberi pengetahuan berkaitan isu dan tema kajian yang dibincangkan. Sumber-sumber ini disaring terlebih dahulu dengan melihat isi kandungan yang dibincangkan serta rujukan yang telah digunakan dalam penulisan karya tersebut. Malah pengkaji sangat meniliti latarbelakang penulis tajuk berkaitan bagi mengelakkannya daripada unsur-unsur “bias” ataupun unsur-unsur yang bukan melalui penulisan sejarah atau mudahnya mengelakkannya daripada pembacaan yang tidak berautoriti.

Malah bukan itu sahaja, kaedah kuantitatif dalam sejarah juga akan digunakan bagi kerja-kerja penafsiran data daripada sumber primer yang telah terkumpul. Daripada data yang diperoleh ini pengkaji akan cuba menganalisis data tersebut lalu dipersembahkan dalam bentuk jadual mahupun graf bagi memberi gambaran jelas terhadap data-data yang diperolehi serta memudahkan pengkaji dan pembaca untuk memahaminya dengan lebih mendalam.

### 3.3 Kawasan Kajian

Kawasan Kajian adalah di Terengganu dengan memberi penjelasan kepada pelaksanaan sistem pentadbiran oleh Sultan Zainal Abidin III sepanjang tempoh pemerintahan baginda dari tahun 1886 sehingga tahun 1918.

## 4.0 Dapatan dan Perbincangan

### 4.1 Sistem Pentadbiran Terengganu era Sultan Zainal Abidin III (1886-1918)

#### 4.1.1 Sistem Pentadbiran Negeri

Sultan Zainal Abidin III, tidak bersendirian dalam menjalankan pentadbiran negeri. Berdasarkan catatan oleh Misbaha (1983), Baginda telah dibantu oleh ahli Jemaah Menteri dibawah satu Majlis Mesyuarat Negeri ‘State Council’. Ahli-ahli Mesyuarat Negeri ini dilantik berdasarkan kerabat diraja, pegawai berkebolehan dan ahli agamawan. Kebanyakan daripada mereka adalah golongan alim ulama yang banyak mempengaruhi pentadbiran kerajaan disamping membantu sultan dalam mengurus dan mentadbir kerajaan selaras dengan kehendak undang-undang Islam. Hal ini, menjadi penyebab utama kepada terbatasnya kuasa Agen Penasihat British di Terengganu dalam menasihati sultan kerana ahli dalam Majlis Mesyuarat Negeri mempunyai kuasa dalam menentukan sebarang keputusan dalam pentadbiran kerajaan dan ianya harus dibincangkan terlebih dahulu dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan (Abdul Rahman Embong, 2012). Pada tahun 1902, Frank Swettenham gagal memujuk Sultan untuk menandatangani perjanjian British-Terengganu pada tahun 1902, kerana Tokku Paloh dan beberapa orang besar lain sentiasa mengawasi tindakan sultan sepanjang rundingan yang berlaku pada tahun tersebut.

Dalam perlembagaan 1911 juga telah menggariskan bahawa, konsep ‘ijtimak’ amat diutamakan dalam pentadbiran kerajaan. Konsep ini menetapkan bahawa ahli-ahli dalam Jemaah Menteri hendaklah ber-ijtimak, berhimpun sekurang-kurang sebulan sekali atau selepas mendapat titah raja, Menteri Besar atau kehendak daripada tiga orang daripada ahli dalam Jemaah Menteri (Undang-Undang Tubuh Terengganu, 1911). Hal ini adalah untuk, mengendali atau membincangkan sebarang urusan pentadbiran kerajaan. Maka dengan kekerapan dan kewujudan sistem pentadbiran negeri ini, sudah pasti menyukarkan Agen Penasihat British mencampuri hal ehwal kerajaan secara langsung atau tidak langsung. Sehingga tahun 1917, pentadbiran negeri dijalankan oleh Majlis Mesyuarat Negeri secara kuasa penuh dengan ahli seramai 24 orang termasuk 8 orang Jemaah Menteri yang telah dilantik oleh Sultan (Norizan Mustafa, 1990).

Selain daripada Majlis Mesyuarat Negeri, sistem pentadbiran negeri juga terdiri daipada beberapa buah jabatan kerajaan dalam melicinkan perjalanan pentadbiran. Jabatan-jabatan yang ditubuhkan ini dipimpin oleh ahli-ahli dalam Majlis Mesyuarat Negeri dalam menyelesaikan isu permasalahan rakyat. Jabatan ini diletakkan di bawah satu bangunan besar di hadapan Istana Maziah (pada waktu sekarang). Berikut merupakan beberapa buah jabatan yang wujud sebelum kedatangan kolonial:

- a) Pejabat Sultan “Pejabat Maha Tinggi” yang berfungsi menerima segala masalah rakyat
- b) Pejabat Keadilan berfungsi mengawal perjalanan makhamah dan urusan keadilan
- c) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berada dibawah jagaan Datuk Bentara Dalam (Tenku Mahmud bin Muhammad)
- d) Pejabat Khazanah di bawah jagaan Tengku Embong Musa dan Encik Mat (adik Datuk Mata-mata)
- e) Pejabat Tanah di bawah jagaan Encik Ngah Muhammad Yusof

- f) Pejabat Polis di bawah jagaan Datuk Panglima Perang Encik Yusof
- g) Pejabat Kerjaraya di bawah jagaan Engku Chik Bakar
- h) Pejabat Syahbandar dan Candu Monopoli di bawah jagaan Encik Da Omar

#### **4.1.2 Sistem Pentadbiran Daerah**

Berdasarkan catatan J.D Vere Allen (1968), kewujudan sistem pentadbiran daerah di Terengganu adalah kerana penentangan daripada para pembesar tempatan semasa baginda ditabalkan menjadi raja (1881), semasa berumur lapan belas tahun. Penentangan ini adalah kerana para pembesar tempatan, kurang bersetuju, kerana baginda masih muda untuk mentadbir kerajaan. Dalam usaha menarik kepercayaan dan ketaatsetiaan para pembesar, sebanyak 12 daerah telah dibahagikan kepada beberapa orang pembesar tempatan ‘Datuk’ dan kesemuanya dilantik daripada kalangan waris-waris baginda dan pembesar negeri. Hanya kawasan Kuala Ibai dan Marang Sahaja yang tidak dibahagikan ketua daerah dalam mengurus tadbir kawasan tersebut. Berikut merupakan 12 pembahagian kerajaan Terengganu kepada para pembesar tempatan (H.C.O 375/1909, 1909).

- a) Kemaman dan Kijal di bawah jagaan Tengku Muda iaitu bapa saudara Sultan
- b) Kemasik di bawah jagaan Datuk Mata-Mata
- c) Kerteh di bawah jagaan Tengku Embong yang mewakili isteri baginda daripada anak saudara Sultan
- d) Dungun di bawah jagaan Tengku Bukit iaitu nenda saudara Sultan
- e) Merchang di bawah jagaan Tengku Putera bin Tengku Said Lingga
- f) Setiau di bawah jagaan Tengku Mahmud bin Tengku Dalam iaitu anak saudara Sultan
- g) Besut dibawah jagaan Tengku Cik Tepok iaitu datuk saudara Sultan
- h) Jeram Kelemang hingga ke hulunya dibawah jagaan Tengku Cik Pengiran iaitu kakak Sultan
- i) Dari Jeram Kelemang sampai ke Kuala Telemung di bawah jagaan Encik Rahim bin Endut iaitu penasihat Sulit Sultan
- j) Sungai Telemung di bawah jagaan Tengku Muda iaitu datuk saudara Sultan
- k) Sungai Nerus di bawah jagaan Engku Sayyid Paloh (Sayyid Abdul Rahman)
- l) Dari Kuala Telemung hingga ke Kuala Terengganu adalah di bawah naungan baginda Sultan Terengganu sendiri

Kewujudan sistem pembahagian ini menyebabkan Agen Penasihat British di Terengganu gagal mencampuri dan meluaskan pengaruhnya dalam kerajaan. Hal ini kerana sejak pada pelantikan para pembesar daerah tersebut, baginda telah meminta kesemua kerabat diraja mengangkat sumpah setia kepadanya sebagai pemerintah kerajaan Terengganu. Sumpah taat setia ini bertujuan mengelakkan berlakunya rampasan kuasa dan penentangan terhadap baginda terutama dikalangan keluarga diraja (J.D. Vere Allen, 1968) Lafaz sumpah adalah seperti berikut (Misbaha, 1983)

“Wallahi Wabillahi Watallahi, bahawa sesungguhnya Sultan Zainal Abidin iaitu Raja patik dan tempat ikutan patik, adalah sekali patik durhaka dan khianat akan dia

selama lamanya, dan seterusnya seterus kepada patik dan jika patik mengerjakan seperti demikian itu. Binasakan oleh Allah Taala dunia akhirat”

#### 4.1.3 Sistem Perundangan dan Mahkamah

Terengganu terbukti negeri paling awal mempunyai perundangan bertulis berasaskan Islam. Menurut Maxweell beliau memperakui kehebatan pentadbiran Sultan Zainal Abidin III dengan menyatakan bahawa Terengganu sebagai “*A self governing Malay Muhammad State*” (Abu Bakar Abdullah, 1982). Hal ini kerana *Itqanul Muluk bi Ta’adlis-Suluk* yang telah digubal, mempunyai 13 bab peraturan dan perundangan di Terengganu termasuklah, tugas-tugas pegawai makhamah, hukuman, perbelanjaan makhamah, keterangan acara dan lain-lain. Pemegang jawatan yang ada hubungan dengan makhamah adalah seperti Hakim, Naib Hakim, Ahli Musyawarah, Mustaniq, Mustahlif, Katib, Muzakki, Qassam dan Mata-mata yang diketuai oleh Ketua Mata-mata (Norizan Mustafa, 1990)

Tidak dapat dinafikan sebelum kedatangan kolonial, Terengganu telah mempunyai sebuah sistem pentadbiran yang sistematik dalam urusan perundangan. Pada era ini, undang-undang makhamah yang digubal adalah berpandukan *al-Qawa’id al-Syariyyah* atau *Qawa’id al-Fiqhiyyah* (Kaedah Syariah atau kaerah Fiqh) dan ianya diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri. Undang-undang ini menetapkan bahawa sebarang bentuk kesalahan jenayah perlu diadili dengan undang-undang dan kaerah Islam. Hal ini termasuklah, pengadilan hukuman bagi jenayah zina, mencuri, mukah, qazaf, murtad, khamar, bughat, dan lain-lain. Malah ianya juga termasuk dalam soal pendaftaran nikah cerai, naziq al-masjid yang. Berdasarkan laporan Conlay, jika seseorang gadis atau teruna melakukan zina, mereka akan dihukum sebat sebanyak 40 kali di hadapan umum (Tuan Ruhan Tuan Sharif, 1984).

Dalam pada itu, pelaksanaan hukuman di era ini, terdiri daripada dua bentuk utama. Pertama adalah melalui Istihar Raja. Kaerah pengistiharan ini dilakukan dengan cara titah raja kepada seluruh negeri melalui Pesuruhjanya Daerah dengan mengerahkan rakyat untuk sentiasa mengerjakan segala pekerjaan yang maaf (Kebajikan) dan menegah segala perbuatan yang mungkar (kejahatan). Diantaranya adalah larangan berjudi, minum arak, bergaduh, melagakan binatang dan memupuk iman kepada Allah S.W.T. Malah sistem Istihar ini juga, turut mengerahkan rakyat untuk melaksanakan amalan-amalan keagamaan seperti sembahyang Jumaat, Istihar Zakat, Istihar Puasa di bulan Ramadhan dan Istihar kedua hari raya, Istihar kadar mas kahwin dan lain-lain lagi. Setiap daripada rakyat perlu patuh dan akur bagi mengelakkan kegiatan jenayah di Terengganu. Dalam hal ini adalah menjadi tugas Budak Raja (Polis) bagi memastikan pengistiharan tersebut dilaksanakan dan dipatuhi oleh rakyat sepenuhnya (Abu Bakar Abdullah, 1982).

Cara kedua dalam pelaksanaan undang-undang adalah melalui undang-undang bertulis. Pelaksanaan dalam bentuk ini terdiri daripada pelbagai jenis perundangan yang akan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri dengan cara “Musyawarah” iaitu nasihat menasihati dan bermuafakat dalam mencari dan menentukan undang-undang yang lebih baik. Undang-undang yang pernah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri adalah seperti Undang-Undang Bagi Segala Pangkat Pegawai Makhamah (undang-undang makamah), Undang-Undang Terbit Makhamah, Undang Undang Cukai Pelabuhan. Undang-Undang Candu, Undang-Undang Least Tanah Galian dan Undang-Undang Syarikat Kecil-Kecilan. Manakala undang-undang syarak adalah seperti undang-undang Khalawat, Undang Nikah Cerai dan sebagainya. Kemudian disusun dan diberi sebagai undang-undang tadbir hukum syarak (Mohd Rani Muda, 1989)

Badan Mahkamah di Terengganu dalam era ini terdiri daripada dua badan utama. Diantaranya adalah Mahkamah Balai, dan Mahkamah Syariah. Mahkamah Balai telah

ditubuhkan sejak pada pemerintahan Sultan Omar, manakala pada zaman Sultan Zainal Abidin III, baginda telah menubuhkan Mahkamah Syariah (Mohamed Anwar Omar Din & Nik Anuar Nik Mahmud, 2011). Kedua-dua badan mahkamah ini akan mengendalikan kesemua urusan berkaitan salah laku jenayah rakyat dan Hakim yang dilantik adalah berdasarkan kehendak sultan. Mahkamah Balai berfungsi dalam membicarakan kes sosial berkaitan sivil dan jenayah seperti judi, kecurian, hutang-piutang, jenayah salah laku, manakala Mahkamah Syariah akan mengendalikan kes-kes melibatkan Islam.

Selepas pada kedatangan kolonial, kerajaan Terengganu telah meluluskan sebuah badan mahkamah baharu pada tahun 1910. Mahkamah Joint Court adalah sebuah makhamah bersama antara pihak British dan kerajaan yang berfungsi dalam mengendalikan kes-kes jenayah yang berlaku dalam kalangan orang asing seperti mana yang diamalkan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Penubuhan mahkamah ini adalah kerana Terengganu berusaha menjaga hubungan baik dengan British sebagai langkah untuk mengelakkan daripada ketidakpuas hati orang Inggeris dan untuk menerima bantuan dan kebajikan daripada pihak Barat. Walaubagaimanapun, peranan dan fungsi mahkamah tersebut berbeza apabila, Agen Penasihat British di Terengganu hanya bertindak sebagai penasihat dan pemerhati kepada Hakim serta wakil hakim Inggeris yang hadir perlu mendapat surat kuasa daripada Sultan terlebih dahulu. Hal ini menjelaskan bahawa kuasa Agen Penasihat pada waktu ini, bukan atas kapasiti seorang pegawai hakim, sebaliknya hanya sebagai penasihat kepada hakim kerajaan yang kesemua ditentukan oleh kuasa hakim dalam kalangan masyarakat Terengganu sendiri. Berikut merupakan jumlah kes yang wujud dalam Mahkhamah Joint Court berdasarkan kes sivil dan jenayah dari tahun 1910 sehingga tahun 1918 (Annual Report Trengganu, 1910-1918)

Jadual 1: Jumlah bilangan kes dalam Mahkamah Joint Court berdasarkan jenis kesalahan sivil dan jenayah

Tahun	Sivil	Jenayah
1910	4	-
1911	6	3
1912	12	12
1913	31	49
1914	79	71
1915	80	94
1916	259	59
1917	122	50
1918	104	32

Sumber: CO 840, Annual Report Of Trengganu Dari Tahun 1911 Sehingga Tahun 1918

Berdasarkan jadual 1.1, jelas menunjukkan bahawa trend peningkatan jumlah jenayah yang dilakukan oleh orang Barat dalam Mahkamah Joint Court dari tahun 1910 sehingga tahun 1916 meningkat. Hal ini menunjukkan bahawa peranan Hakim kerajaan yang dilantik tidak memberi sebarang kebebasan kepada orang barat dalam melakukan sebarang jenayah di Terengganu. Malah hal ini juga menunjukkan bahawa wakil British yang dilantik dalam

Mahkamah Joint Court tiada kuasa dalam menentukan sebarang keputusan melibatkan orang-orang Inggeris.

Pada tahun 1912, Sultan Zainal Abidin III telah menubuhkan Pesuruhjaya Polis Kerajaan Terengganu dengan memberi tauliah kepada Panglima Encik Yusuff dalam menguruskan hal berkaitan kepolisan. Dalam hal ini, ianya bukanlah menjelaskan bahawa Terengganu sebelum kedatangan British, tiada bentuk badan kepolisan dalam urusan berkaitan jenayah dan salah laku, sebaliknya adalah langkah Sultan Zainal Abidin III, melakukan penstrukturran semula dalam kerajaan dalam usaha mengelakkan sebarang kelompongan dalam badan kerajaan yang berkemungkinan akan dicampuri oleh Agen British di Terengganu. Malah pelantikan Ketua anggota polis pertama di Terengganu adalah daripada ahli Jemaah Mesyuarat Negeri sendiri, Panglima Besar Tengku Long Abdullah (Annual Report of British Agent Trengganu, 1914).

#### 4.1.4 Sistem Pentadbiran Tanah

Pentadbiran Tanah di Terengganu sebelum pada tahun 1916, adalah berasaskan kepada undang-undang Islam. Sebelum pada kedatangan British ke Terengganu, tiada lagi sebarang bentuk perundungan yang menyamai undang-undang barat berkaitan tanah. Pemilikan tanah dan perundungan pada waktu itu adalah berdasarkan kepada hukum agama Islam “*Muhammad Law*” yang memberi hak kepada setiap penganutnya untuk meneroka dan mengerjakan sebarang tanah yang belum dibuka dan dimiliki (Mohd Izzam Ngah, 1983). Sebagai contohnya dalam proses membuka tanah baru, penduduk bebas menebang hutan untuk diterokai serta mengambil hasil-hasil hutan seperti kayu balak, damar, rotan dan lain-lainya. Malah pada waktu ini tiada sebarang peraturan dikenakan terhadap kerja-kerja menerokai hutan. Pemilik-pemilik tanah juga tidak dikenakan sebarang bentuk cukai sekalipun ke atas tanah yang mereka miliki. Menurut W.L.Conlay (C.O 273/351, 1909):

*“...It appears that there are no premium or rents of any kinds on state: lands occupied or permanently taken by natives...”*

Disamping itu, pernyataan pemilikan tanah atau bukti pemilikan tanah pada zaman tersebut masih tidak wujud sebarang bentuk dokumen rasmi ataupun pernyataan tentang hak milik seseorang kerana ianya adalah berdasarkan kepada kegiatan atau pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang itu ke atas tanah yang mereka usahakan (Nurul Ariana Ashaari, 2016) Dengan cara ini, tanah tersebut akan dianggap sah dan menjadi hak milik seseorang sekiranya dia mengusahakan tanah tersebut walaupun tidak mempunyai plan teretentu. Sempadan permisahan tanah yang dimiliki oleh seseorang hanya ditandai atau dipisahkan dengan pagar atau pokok-pokok tertentu (Yusri Abd Ghani, 2000). Lebih penting daripada itu sehingga ke tarikh tersebut tidak terdapat sebarang catatan rasmi mengenai tuntutan atau pemilikan tanah yang pernah dibuat (S.U.K Tr., K.T.N, 1986).

Meskipun begitu, pada tahun 1915, terdapat beberapa perubahan yang telah dilakukan oleh Sultan Zainal Abidin III mengenai pentadbiran tanah. Antaranya ialah mengenai prinsip asas pemegangan tanah. Prinsip ini berpunca daripada ancaman yang berlaku kepada para petani oleh percubaan golongan atasan untuk mengusai tanah mereka. Umumnya keadaan ini sememangnya berbeza dengan prinsip lama yang mana kesemua tanah adalah hak milik raja (Yusri Abd Ghani, 2000). Namun, hasrat kerabat diraja untuk mengusai tanah secara meluas telah meneyababkan baginda Sultan memperkenalkan sistem tanah yang baharu. Salah satu cara adalah dengan menganugerahkan tanah kepada para pembesar atau kerabatnya memalui dua bentuk yakni “konsensi” ataupun dalam bentuk “cap kurnia/cap zuriat”. Konsensi adalah pemberian tanah dalam keluasan yang besar dan biasanya diberikan kepada anggota “*Rulling House*” atau kerabat Sultan (Annual Report of British Agent, 1915). Cap

kurnia pula adalah pemberian dalam kadar keluasan yang lebih kecil yang akan diberikan kepada individu yang berjasa kepada raja dan ianya adalah sebagai anugerah diraja (Nurul Ariana Ashaari, 2016).

Dalam pada itu, bagi golongan yang diperintah (rakyat biasa), mereka tetap hidup dengan tradisinya yang tersendiri iaitu tanah yang mereka miliki dikenali sebagai tanah waris dan tanah tebang. Hak milik mereka terhadap tanah tersebut akan ditentutkan melalui 3 jenis cap iaitu Cap Jual Beli, Cap Keputusan dan Cap Akuan. Rakyat pada waktu ini tidak mempunyai kesedaran terhadap perkara berkaitan tanah, malah mereka juga tidak mempunyai bukti bertulis bagi menentukan dan mengesahkan hak pemilikan tanah tersebut (Muhammad Yusoff Hashim, 1991) Sehinggalah pada tahun 1916, rakyat mula sedar bahawa peraturan baru yang diperkenalkan oleh Sultan dan mula mendapat kritikan daripada rakyat Terengganu khususnya kaum tani di Kuala Berang yang beranggapan bahawa peraturan baru ini memecahkan tradisi yang telah dijalankan sebelum ini dan ianya berpunca daripada pengaruh orang Britsih terhadap sultan (Talib Samat, 1999).

Pada tahun 1916, Sultan Zainal Abidin III telah menukuhan sebuah Pejabat Tanah yang berperanan dalam menyelenggara hal-hal berkaitan tanah termasuklah dari sudut penerokaan dan pemilikan. Undang-undang pertama yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah ini adalah Undang-undang menebas hutan (S.U.K Tr., 1929) Melihat kepada kandungannya, jelas bahawa undang-undang menebas hutan ini lebih bertujuan untuk memelihara hutan kerajaan yang belum dikerjakan berdasar rekod tuntutan terhadap tanah-tanah yang telah dikerjakan. Tambahan lagi sepanjang undang-undang ini dijalankan yakni pada tahun 1917, sebanyak 17 surat akuan telah dikeluarkan namun tiada seorang pun yang membuat tuntutan ke atas tanah yang dikerjakan berpandukan undang-undang baru ini (S.U.K Tr., 1929).

Peraturan Menebas Hutan Kerajaan 3/1336, adalah undang-undang tanah yang pertama diperkenalkan di Terengganu, yang mesti dipenuhi sebelum seseorang itu dibenarkan membuka mana-mana tanah di dalam negeri (Nurul Ariana Ashaari, 2016). Antara kandungan peraturan daripada perkara ini ialah setiap orang yang ingin membuka tanah dikehendaki mendapatkan kebenaran (pas) sama ada dari Pesuruhjaya Tanah atau Pesuruhjaya Jajahan dengan kadar bayaran dua puluh lima sen bagi satu ekar. Hal ini telah menimbulkan ketidakpuas hati masyarakat khususnya dalam kalangan masyarakat tani yang berpegang teguh kepada ajaran Islam dan yang memahami bahawa tanah adalah hak milik Allah. Perkara ini berlanjut sehingga tercetusnya Perang Sabil oleh masayrakat Tani di Kuala Berang yang menetang sekeras-kerasnya pihak Kerajaan yang berpunca daripada pengaruh British di Terengganu.

Selain daripada ‘Peraturan Menebas Hutan Kerajaan 3/1336’, terdapat juga beberapa undang baru yang turut diperkenalkan semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III. Antara undang-undang baharu lain adalah ‘Peraturan Menumpang Tanah Kerajaan Bertanam Cucuk 8/1340’ dan ‘Peraturan Menumpang Tanah Kerajaan Bagi Sementara 3/1342’. Kedua-dua peraturan tanah ini juga membawa peruntukan yang hampir sam dengan peraturan yang pertama iaitu mengandungi peruntukan-peruntukan yang tidak disenangi oleh penduduk Tani Terengganu. Misalnya Peraturan Menumpang Tanah Kerajaan Bagi Bertanam Cucuk memperuntukkan arahan supaya sesorang yang ingin menjalankan usaha pertanian dalam tanah-tanah Kerajaan perlu mendapatkan surat kebenaran telebih dahulu (S.U.K., 1921)

Maka dapatlah disimpulkan bahawa kandungan dan tujuan undang-undang baharu berkaitan tanah pada waktu ini masih belum mencapai kegemilangannya khususnya dalam mendapat sokongan rakyat bawahan. Mudahnya sistem pentadbiran Tanah di Terengganu zaman Sultan Zainal Abidin III, kurang mendatangkan impak positifnya dan dilihat berat

sebelah, namun dari segi pemerhatianya Terengganu sudahpun mempunyai satu bentuk sistem yang mencakupi hal-hal berkaitan tanah yang masih dikawal penuh oleh masyarakat tempatan (bukan barat) walaupun masyarakat pada waktu itu masih belum sedar akan kepentingan pemilikan tanah. Hal ini juga mungkin disebabkan oleh masyarakat Melayu yang mempunyai sifat tidak akan pernah menderhaka kepada pihak raja kerana konsep Daulat dan tulah itu masih kekal dalam diri mereka.

#### **4.2 Undang-undang Tubuh Negeri Itqan al Muluk bi Ta'dil as Suluk**

Undang-undang bagi Diri Kerajaan Terengganu ‘Itqan al Muluk bi Ta’ dil as Suluk’ yang ditubuhkan pada tahun 1911 merupakan salah satu usaha Kerajaan Terengganu untuk mengekang kuasa British dalam mencampuri hal ehwal pentadbiran kerajaan. Perundangan ini digubal secara rasmi pada tahun 1329H/1911M semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III (1881-1918) (Tuan Ruhani Tuan Sharif, 1985) Perundangan ini mengandungi 53 fasal utama, merangkumi hal pentadbiran kerajaan dan perundangan, yang memuatkan perkara seperti pelantikan Raja, kaedah pemerintahan, pelantikan Menteri dan Menteri Besar, proses mesyuarat kerajaan, undang-undang adat negeri dan kedudukan Islam sebagai agama rasmi Kerajaan Terengganu. Daripada fasal-fasal yang telah dibentuk, terdapat beberapa fasal yang memperjelas dan mengukuhkan lagi bahawa peranan Agen Penasihat British yang dilantik, tiada hak dalam mencampuri hal ehwal pentadbiran kerajaan dan segala perkara perlu merujuk kepada Sultan dan perlombaan kerajaan.

‘Itqan al Muluk bi Ta’ dil as Suluk’, menimbulkan masalah kepada pihak barat apabila bidang kuasa dan peranan mereka sebagai Agen British di Terengganu sangat terbatas. Berikut merupakan beberapa fasal utama yang menjelaskan bukti keterbatasan kuasa Agen Penasihat British dalam pentadbiran kerajaan berdasarkan perlombaan Kerajaan Terengganu 1911 (Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Trengganu, 1911)

Fasal 2: Maka hendaklah raja yang memerintah Kerajaan Terengganu selama-lamanya ada ia Islam dan daripada berbangsa Melayu dan darah daging keturunan sultan-sultan yang memerintah kerajaan Terengganu dan laki-laki sebagaimana tartib dan syarat-syarat yang tersebut pada Fasal 3,4 dan 5...

Berdasarkan fasal tersebut, Kerajaan Terengganu telah menetapkan bahawa, pentadbir dan para pemerintah kerajaan Terengganu adalah selama-lamanya terdiri daripada orang Islam dan daripada berbangsa Melayu dan mengecualikan bangsa lain dalam mencampuri sebarang bentuk hal ehwal pentadbiran kerajaan.

Fasal 51: Sesungguhnya telah disifatkan dan disebutkan dan ditetapkan selama-selamanya Kerajaan Terengganu ini Kerajaan Islamiah “al- Malayuwiyyah”ialah yang dikatakan agama negeri dan Kerajaan. Maka tiadalah boleh sekali sebarang Agama lain dijadi atau disebut agama negeri “sekalipun banyak segala bangsa dan agama diamankan dan dibenarkan masuk diam di dalam negeri dan jajahan Terengganu.

Berdasarkan fasal ini pula, Kerajaan Terengganu telah mengukuhkan lagi kenyataan mereka bahawa Terengganu adalah Kerajaan Islam yang berpandukan corak pentadbiran kerajaan Islamiyah dan tidak membenarkan sebarang bentuk pengaruh lain walaupun penduduknya telah terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama:

Fasal 14: Maka tiada lulus dan tiada sah sekali-kali raja membuat perjanjian atau ikhtiar melepas atau menyerahkan negeri dan kerajaanya atau sebahagian daripada kuasa Kerajaan atau hukumnya itu kepada sebarang mana-mana kerajaan atau kepada kuasa-

kuasa bangsa Eropah lain-lainya. Maka jika lau raja cuba lalui larangan dan tegahan itu, nescaya disifatkanlah akan dia memecahkan Amanah yang diletakkan atasnya, serta tiada sah perbuatan yang demikian itu. Maka tatkala itu tiadalah diwajibkan di atas ahli-ahli kerajaan dan segala rakyat bersetia lagi dengan dia. Haruslah diturunkan dia daripada takhta kerajaanya dan diangkatkan pula digantikan.

Dalam fasal ke 14 pula, Terengganu telah menegaskan bahawa, sultan tidak boleh mengadakan sebarang bentuk perjanjian mahupun rundingan dengan kuasa asing dalam soal penyerahan Terengganu atau penyerahan kuasa kerajaan kepada kuasa asing dan sekiranya melakukan perkara tersebut maka sultan akan dihukum. Sultan yang mengadakan rundingan secara rahsia dengan kuasa asing lain (barat), tidak akan ditaatai oleh rakyat dan dikerahkan untuk turun daripada takhta kerajaan.

Perundangan ini, telah menyebabkan pihak British sukar untuk mencampuri hal ehwal pentadbiran Kerajaan Terengganu. British cuba menjelaskan kestabilan politik Terengganu dengan melaporkan bahawa pentadbiran Sultan Terengganu tidak cekap. Alasan utama yang diberikan adalah, ikatan hubungan yang rapat dengan alim ulama telah menyebabkan kreadibiliti sultan sebagai penguasa utama dalam kerajaan berkurang. Hal ini kerana sistem pentadbiran kerajaan banyak dipengaruhi oleh golongan alim ulama.

*There were no written laws, no courts, and no police. All manner of crime was rampant, the peasantry was mercilessly downtrodden, but the land was fully of holy men and the cries of the miserable were drowned in the noise of ostentatious prayer* (J.D. Vere Allen, 1968).

Tentu sekali laporan ini tidak dapat diterima seperti mana yang telah diterangkan di atas, Hal ini kerana, pada masa tersebut, telahpun wujud badan makhamah untuk menyelesaikan kes-kes jenayah yang timbul dalam kerajaan. Malah dengan wujudnya makhamah tersebut, sudah pasti kerajaan Terengganu mempunyai penguatkuasa undang-undang dan akta perundangan yang jelas supaya pentadbiran makhamah berjalan dengan lancar. Tuduhan ini timbul mungkin disebabkan oleh bentuk undang-undang Islam dan Barat berlainan sama sekali

#### **4.3 Perbincangan**

Jelas bahawa, sistem pentadbiran yang wujud ketika zaman Sultan Zainal Abidin III, telah berjaya mengekalkan Terengganu dibawah pengusaan baginda, walaupun sejak tahun 1910, British telah meletakkan seorang Agen Penasihat dalam memberi nasihat berkaitan hal ehwal kerajaan. Hal ini menyebabkan bidang kuasa Agen Penasihat Terengganu terbatas. Ditambah pula dengan pengenalan perundangan baharu pada tahun 1911, telah menyebabkan British tiada hak dalam menentukan sebarang hal berkaitan kerajaan tempatan kerana kesemuanya berada dibawah bidang kuasa pemimpin tempatan seperti mana yang telah termaktub. Berdasarkan beberapa fasal yang tercatat dalam perlombagaan tersebut, ianya telah membuktikan sebarang bentuk campur tangan daripada kuasa asing tidak boleh dilakukan dalam kerajaan termasuklah dalam menasihati sultan. Perlombagaan ini juga menjelaskan bahawa Terengganu adalah sebagai sebuah negara bebas merdeka dan tidak dipengaruhi oleh sebarang bentuk kuasa asing. Maka dengan wujudnya perlombagaan ini, bidang kuasa Agen Penasihat British di Terengganu pada tahun 1911 sehingga tahun 1918, terhad dan kuasa pemerintahan Terengganu semuanya tertakluk kepada arahan dan pentadbiran sultan.

## 5. Rumusan

Secara kesimpulannya, tahun 1910 sehingga tahun 1918 adalah satu fasa dimana kuasa dan peranan Agen Penasihat British di Terengganu dalam mencampuri hal ehwal pentadbiran kerajaan adalah gagal. Hal ini kerana kebijaksanaan dan kehebatan Sultan Zainal Abidin III dengan dasar dan pembaharuan dalam sistem pentadbiran kerajaan, telah berjaya mengelakkan daripada Terengganu dijajah oleh kuasa barat secara terus. Meskipun telah wujud beberapa unsur berasaskan barat dalam sistem pentadbiran kerajaan, namun kuasa dan pemerintahan negeri, masih tertakluk kepada kuasa baginda dan keputusan oleh para Jemaah Menteri dalam Majlis Mesyuarat Negeri. Kegagalan campur tangan British dalam pentadbiran kerajaan ini berakhir setelah pada kemangkatan baginda pada tahun 1918, dan pihak British secara terus mendesak putra baginda, Sultan Mahmud untuk menandatangani sebuah perjanjian untuk menetapkan Terengganu, seorang penasihat British dan kerajaan perlu akur dengan segala nasihat yang diberikan oleh penasihat yang dilantik pada tahun 1919. Penandaan ini menjelaskan bahawa Terengganu mula dijajah oleh pihak Barat dan bermulanya sistem pentadbiran baharu dalam kerajaan Terengganu berasaskan corak barat. Terengganu merupakan negeri terakhir di Tanah Melayu yang dijajah oleh British walaupun secara rasmi Terengganu telah berada dibawah naungan British sejak tahun 1909.

## Rujukan

- Abdul Rahman Embong, (2012), Terengganu Merentasi Tiga Abad: Kesultanan, Politik, Ekonomi, Agama dan Budaya, *Yayasan Diraja Sultan Mizan*.
- Abdullah Zakaria Ghazali, (1984), Terengganu Dahulu Dan Sekarang, Persatuan Muzium Malaysia Muzium Negara Kuala Lumpur.
- Buyong Adil. (1928). Sejarah Terengganu. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- C.O 273/351, (1909) Journal of The British Agent Trengganu for The Month of September 1909.
- C.O 840, (1925), J. W. Simmons, Annual Report of The British Adviser Trengganu For The Year 1925, British Adviser Terengganu, 1925.
- C.O 840, Annual Report of British Agent Trengganu, 1910
- C.O 840, Annual Report of British Agent Trengganu, 1911
- C.O 840, Annual Report of British Agent Trengganu, 1912
- C.O 840, Annual Report of British Agent Trengganu, 1913
- C.O 840, Annual Report of British Agent Trengganu, 1914
- C.O 840, Annual Report of British Agent Trengganu, 1915
- C.O 840, Annual Report of British Agent Trengganu, 1916
- C.O 840, Annual Report of British Agent Trengganu, 1917
- C.O 840, Annual Report of British Agent Trengganu, 1918
- H.C.O 375/1909, (1909), W.L Conlay, Extract From The Journal of The British Agent Trengganu for the period 11 th July to 31 st August 1909”, No.53/09.
- Haji Muhammad Saleh Bin Haji Awang (MISBAHA), (1992) Sejarah Darul Iman Hingga 1337 H = 1918 M, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu.
- J.D. Vere Allen, (1968), The Ancien Regime In Terengganu, *JMBRAS*, Vol. 41, Pt. 1.
- M.C.FF. Sheppard. (1949) A Short History of Trengganu. *JMBRAS* Journal of Malayan Branch Royal Society. Vol. 22, pt 3.
- Mohamed Anwar Omar Din & Nik Anuar Nik Mahmud, (2011), Sejarah Kesultanan Terengganu (1708-2008), *Yayasan DiRaja Sultan Mizan*.

- Mohd Izzam bin Ngah, (1983) Perubahan Pentadbiran Di Terengganu Antara Tahun 1909 Hingga tahun 1939 Satu Tinjauan, *Latihan Ilmiah Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang*.
- Mohd Rani Bin Muda, (1989), Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Terengganu Satu Kajian Tentang Pelaksanaannya di Zaman Sultan Zainal Abidin III, *Latihan Ilmiah ijazah Sarjana Muda Universiti Malaya, Kuala Lumpur*.
- Muhammad Saleh Awang (Misbaha), (1983), Terengganu dari bentuk Sejarah hingga tahun 1918M (1137), *Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd*,
- Muhammad Yusoff Hashim, (1991), Tradisis Pensejarahan Melayu Terengganu Darul Iman, *Dewan Bahasa Dan Pustaka*.
- Norizan binti Mustafa, (1990), Sejarah Kuala Terengganu 1900-1957, *Thesis Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Nurul Ariana binti Ashaari, (2016), Pentadbiran Tanah di Terengganu Zaman Kolonial British 1921-1941, *Latihan Ilmiah Univeristi Pendidikan Sultan Idris*.
- Paul Wheatly. (1966). *The Golden Khersone*. Kuala Lumpur, University of Malaya Press.
- Raja Ali Haji dan Raja Haji Ahmad. (1982). *Tuhfat Al-Nafis*. Fajar Bakti, Kuala Lumpur.
- S.U.K Tr., K.T.N, (1986), Menon ‘Memorandum On Activities Of The Survey Department Trengganu’, Survey Department Trengganu, 31 Ogos 1986.
- S.U.K., “Peratutan Menumpang Tanah Kerajaan kerana Bertanam Cucuk”, No 8 Bagi Tahun 1340, 1921.
- Talib Samat, (1999), *Mereka Yang Ternama*, *Kuala Lumpur: Utusan Publicatons & Distributors Sdn*.
- Tuan Ruhani Tuan Sharif, (1985), Pentadbiran Agama Islam Di Terengganu Dari Tahun 1911 Hingga Tahun 1930-An, *JEBAT 13*.
- Undang-Undang Tubuh Terengganu, 1911.
- Yusri Abd Ghani, (2001), Sistem Pentadbiran Brisith Di Terengganu Dan Reaksi Masayarakat Setempat 1909-1928, *Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia*.